


1. Rajah 1 berkaitan dengan ciri - ciri tamadun.

Rajah 1



Apakah X ?

- A. Kemajuan sistem perhubungan
- B. Hubungan antara kerajaan
- C. Perkembangan ekonomi
- D. Kehidupan berorganisasi

2. Bagaimanakah ciri kehidupan bandar yang bertamadun menurut pandangan cendekiawan Islam?

- A. Ketinggian tatasusila masyarakat
- B. Kemajuan pesat bidang ekonomi
- C. Kesejahteraan semua lapisan rakyat
- D. Kebebasan mengamalkan sebarang agama

3. **Sistem demokrasi** diwarisi daripada tamadun Yunani. Mengapakah sistem tersebut masih diamalkan sehingga kini?

- A. Kekayaan individu dikawal
- B. Hasil bumi milik negara
- C. Kuasa rakyat diiktiraf
- D. Raja berkuasa penuh

4. Dalam buku **Republic**, Plato menghuraikan struktur kerajaan yang baik. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan saranan Plato tersebut?

- A. Mengamalkan sistem teokrasi
- B. Memiliki angkatan tentera yang kuat
- C. Pelaksanaan undang - undang yang ketat
- D. Negara diketuai ahli falsafah

5. Dialog berikut mungkin berlaku pada abad ke- 9 Masihi.

Pedagang India : Kita akan sampai ke *Suvarnabhumi* beberapa hari lagi.

Nakhoda kapal : Ya, betul.

Dimanakah **Suvarnabhumi** yang dimaksudkan dalam dialog tersebut ?

- A. Funan
- B. Tanah Melayu
- C. Pulau Jawa
- D. Angkor

6. Bagaimanakah pemerintah kerajaan Agraria di Asia Tenggara memajukan sektor pertanian?

- A. Membawa masuk buruh luar
- B. Membina sistem pengairan
- C. Menaik taraf kemudahan pelabuhan
- D. Memperkenalkan kaedah penggiliran tanaman

7. Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan Sistem Kabilah. Apakah kesan amalan sistem tersebut?

- I. Pengaruh asing lemah
- II. Sistem beraja merosot
- III. Perang kerap berlaku
- IV. Semangat assabiah muncul

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

8. Masyarakat Arab pada Zaman Jahiliah sering bergaduh sesama sendiri. Mengapakah pergaduhan tersebut berlaku?

- A. Pertukaran hak menguasai telaga zamzam
- B. Perebutan hak milik untuk mengawal Kaabah
- C. Pengamalan semangat kesukuan
- D. Perebutan kuasa memungut cukai

9. Pada tahun 630 Masihi, Nabi Muhammad SAW telah menguasai semula kota Makkah. Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A. Pembahagian wilayah
- B. Bilangan penduduk bertambah
- C. Sistem kabilah diteruskan
- D. Unsur jahiliah dihapuskan

10. Gambar 3 menunjukkan sambutan Maal Hijrah di Malaysia.



Gambar 3

Sambutan tersebut diadakan setiap tahun untuk memperingati

- A. Turun wahyu pertama
- B. perjuangan umat Islam
- C. pembukaan semula kota Makkah
- D. kelahiran Nabi Muhammad SAW

11. Kerajaan Bani Umayyah telah menubuhkan beberapa bahagian dalam pentadbiran. Apakah bahagian tersebut?

- | | |
|------------------|---------------|
| I. Cukai | II. Kehakiman |
| III. Perdagangan | IV. Bahasa |
- A. I dan II B. I dan IV
C. II dan III D. III dan IV

12. Kerajaan Bani Umayyah telah memperkenalkan sistem hijabah bertujuan untuk

- A. mengukuhkan pertahanan laut
- B. mengumpul rekod baitulmal
- C. mengawal keselamatan khalifah
- D. mengurus pelantikan wazir

13. Sistem sosial masyarakat Melayu berubah selepas kedatangan islam. Apakah perubahan tersebut?

- A Menekankan persamaan taraf
- B Mementingkan adat turun - temurun
- C Mengutamakan pencapaian ekonomi
- D Menggalakkan perkahwinan siasah

14. Ajaran Islam disebarkan dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara secara aman dan tertib. Keadaan tersebut berlaku kerana masyarakat Asia Tenggara

- A. Bersedia untuk bekerjasama
- B. Tabah menghadapi cabaran
- C. Bersepakat dalam perjuangan
- D. Sedia menerima perubahan

15. Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan mempunyai ciri matrilineal.

Apakah ciri matrilineal dalam adat tersebut?

- A. Pelantikan ketua adat
- B. Keturunan sebelah bapa
- C. Perkahwinan sesama suku
- D. Anak perempuan mewarisi harta

16. *Zilullah fil-alam* adalah gelaran raja selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu.

Apakah kesan penggunaan gelaran tersebut?

- A. Pengiktirafan kewibawaan pemerintah
- B. Kemantapan undang-undang negara
- C. Keberkesanan sistem pentadbiran
- D. Pengukuhan hubungan luar

17. Revolusi Perindustrian menyebabkan Britain dan kuasa Eropah lain bertindak menguasai negara lain.

Mengapakah Britain dan kuasa Eropah lain bertindak demikian?

- A. Menghapus penindasan
- B. Meneroka pasaran baru
- C. Mengeksport tenaga kerja asing
- D. Memajukan masyarakat peribumi

18. Antara yang berikut yang manakah ciri zaman gelap di Eropah?

- I. Sistem feudal runtuh
- II. Institusi agama merosot
- III. Ilmu pengetahuan terhad
- IV. Kerajaan Pusat Lemah

- | | |
|---------------|---------------|
| A. I dan II | B. I dan IV |
| C. II dan III | D. III dan IV |

19. Pada abad ke-20, kapal korek mula digunakan dalam kegiatan perlombongan di Tanah Melayu.

Apakah kesan penggunaan kapal korek tersebut?

- A. Pemodal Eropah menjadi pengeluar utama
- B. Kegiatan pertanian semakin jatuh merosot
- C. Lombong milik pelombong Cina tutup
- D. Pembesar Melayu menjadi pemodal

20. Mengapakah undang-undang berikut dilaksanakan di Tanah Melayu ?

Enakmen Pendaftaran Sekolah 1920

- A. Menyebarkan ajaran agama
- B. Mewajibkan pendidikan rakyat
- C. Menyekat kemasukan imigran
- D. Membasmi pengaruh komunis

21. Perkembangan teknologi telegraf pada abad ke-17, telah membantu kuasa - kuasa Barat menjalankan kegiatan imperialisme di Asia Tenggara.

Bagaimanakah perkembangan tersebut membantu kegiatan imperialisme?

- A. Menjimatkan kos
- B. Mempercepat arahan
- C. Memudahkan kerja
- D. Mempercepatkan arahan

22. Penjajah Sepanyol memperkenalkan Sistem Encomienda di Filipina.

Mengapakah penduduk Filipina tidak berpuas hati terhadap sistem tersebut?

- A. Ekonomi sara diri terjejas
- B. Perusahaan petani terjejas
- C. Cukai yang membebankan
- D. Perdagangan tukar barang terganggu

23. Rentap adalah wira masyarakat Iban yang menentang pentadbiran Brooke di Sarawak.

Apakah tindakan beliau untuk menentang pentadbiran Brooke?

- A. Menyerang kubu pertahanan
- B. Enggan membayar cukai tanah
- C. Mengutip hasil hutan tanpa lesen
- D. Meminta bantuan tentera asing

24. Penghulu Dol Said telah melakukan penentangan terhadap British di Nanning antara tahun 1831 hingga tahun 1833.

Mengapakah beliau menentang British?

- A. Pembinaan balai polis
- B. Pembayaran ufti tahunan
- C. Pencabulan adat tradisional
- D. Pengenalan peraturan tanah

25. Gambar 4 adalah pemerintah Johor yang berusaha menghalang campur tangan British.



Gambar 4

Bagaimanakah baginda bertindak menghalang British daripada menguasai negeri Johor ?

- A. Menyatupadukan pelbagai kaum
- B. Menyekat kemasukan buruh luar
- C. Menggubal perlembagaan bertulis
- D. Mendapatkan bantuan kerajaan berjiran

26. Itali dan Jerman adalah dua buah negara bangsa moden di Eropah pada abad ke-19.

Apakah kaedah yang digunakan untuk memajukan negara tersebut?

- A. Perjanjian
- B. Realpolitik
- C. Perundingan damai
- D. Kuat kuasa undang-undang

27. Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A. Pertambahan bilangan kaum imigran
- B. Kekuatan perpaduan orang Melayu
- C. Memenuhi desakan orang dagang
- D. Akur tuntutan golongan radikal

28. Malayan Union memperkenalkan prinsip kerakyatan *jus soli*.

Mengapakah orang Melayu menentang kerakyatan tersebut ?

- A. Memusnahkan status quo
- B. Menggugat kedudukan raja
- C. Pembentukan pelbagai budaya
- D. Penghapusan ekonomi tradisional

29. Pada tahun 1951, Dato' Onn bin Jaafar mencadangkan agar keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu.

Mengapakah beliau bertindak sedemikian?

- A. Memantapkan pentadbiran kerajaan
- B. Memperkukuhkan perpaduan
- C. Memperkuat organisasi parti
- D. Meminta sokongan baru

30. Apakah yang dilaksanakan oleh pemimpin Tanah Melayu pada tahun 1950-an untuk merealisasikan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?

- A. Mendapatkan sokongan luar
- B. Mengadakan pungutan suara
- C. Memperkukuhkan perpaduan
- D. Berunding dengan komunis

31. Apakah peristiwa yang dapat dikaitkan dengan peribahasa berikut?

- **Air dicincang takkan putus.**
- **Carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga.**

- A. Pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia
- B. Pengukuhan hubungan Malaysia-Filipina
- C. Pembentukan Parti Perikatan Sarawak
- D. Penyertaan Brunei dalam Malaysia

32. Pembentukan Malaysia telah ditentang oleh Indonesia kerana menganggap Malaysia sebagai satu bentuk penjajahan baharu.

Siapakah dalang di sebalik anggapan tersebut?

- A. Golongan agama
- B. Orientalis Barat
- C. Parti Komunis
- D. Penjajah luar

33. Gambar 5 menunjukkan Jata Negara kita Malaysia.



Mengapakah jata tersebut penting kepada negara dan bangsa Malaysia?

- I. Mempertahankan semangat kenegerian
- II. Melambangkan kemajuan negara
- III. Memperkukuhkan perpaduan rakyat
- IV. Melahirkan rakyat bersemangat waja


- A. I dan II
- C. II dan III

- B. I dan IV
- D. III dan IV

34. Pilihan raya kecil diadakan di mana-mana kawasan di negara kita sekiranya wakil rakyat

- A. Menyertai parti lain
- B. Dipecat dari parti
- C. Meninggal dunia
- D. Hilang sokongan

35. Gambar 6 adalah bendera Jalur Gemilang yang menjadi kebanggaan bangsa dan rakyat Malaysia.



Gambar 6

Rakyat Malaysia mesti berbangga dengan bendera tersebut kerana ia adalah lambang

- A. Keagungan
- B. Kegigihan
- C. Kedaulatan
- D. Kemajuan

36. Bagaimanakah matlamat Rancangan Malaya Pertama untuk membangunkan kawasan luar bandar dapat dicapai?

- I. Menyatupadukan penduduk
- II. Menamatkan kutipan cukai
- III. Menyediakan kemudahan pinjaman
- IV. Membuka kawasan pertanian baru

- A. I dan II
- C. II dan III

- B. I dan IV
- D. III dan IV

37. Kerajaan telah memperkenalkan program pembangunan in-situ melalui Dasar Pertanian Negara (DPN).

Apakah tujuan program tersebut?

- A. Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah
- B. Menambahkan peluang pekerjaan
- C. Memperkemas sistem pemasaran
- D. Membuka petempatan baru

38. Pernyataan berikut adalah cabaran kelapan Wawasan 2020.

- **Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya**

Bagaimanakah cabaran tersebut dapat dipenuhi oleh kerajaan?

- A. Kekayaan negara dikongsi bersama
- B. Pelaburan asing dipertingkatkan
- C. Memantapkan jati diri rakyat
- D. Membangunkan modal insan

39. Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914.

Apakah faktor yang menyebabkan perang tersebut ?

- A. Perancis bersekutu dengan Rusia
- B. Bakal raja Austria dibunuh
- C. Wilayah Jerman diceroboh
- D. Pearl Harbour diserang

40. Tokoh berikut adalah pemimpin Jerman yang dituduh mengingkari Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada tahun 1919.



Adolf Hitler

Apakah bukti tuduhan tersebut?

- A. Memperbesar angkatan tentera
- B. Menakluki wilayah Itali
- C. Menyertai Kuasa Bersekutu
- D. Mengamalkan pemerintahan diktator

KERTAS SOALAN TAMAT